

Berus gigi diletak dalam tandas terdedah bakteria

Ramai beranggapan meletakkan berus gigi di bilik mandi adalah perkara yang biasa, namun perbuatan ini adalah tindakan yang kurang bijak. Dengan berbuat demikian, anda akan menyebarkan dan menerbangkan partikel kuman yang terdapat di dalam bilik mandi melalui udara di dalamnya.

Memetik kata seorang ahli mikrobiologi, Charles Gerba, beliau menyatakan, benda yang paling banyak mengandungi kuman di bilik mandi adalah berus gigi.

Tambahnya lagi, apabila berus

gigi diletakkan berhampiran tandas, ia seperti menggosok gigi dengan isi tandas berkenaan.

Tersebar ikut udara, air

Bakteria yang disebar melalui udara atau percikan air akan hinggap dan melekat pada berus gigi yang diletakkan di dalam bilik mandi atau tandas. Bakteria itu dapat membiak subur di dalamnya kerana faktor udara yang lembab di dalam bilik mandi.


Jika sebelum memberus gigi anda tidak terlebih dahulu membersihkan bulunya dengan air,

maka dikhuatiri kuman yang melekat akan turut masuk ke dalam badan anda.

Selain itu, satu berus gigi yang lama digunakan biasanya mengandungi kira-kira 10 juta mikrob di dalamnya. Mikrob itu termasuklah dari jenis virus, bakteria dan pelbagai jenis kuman lain. Bahkan, ia lebih kronik jika dibandingkan dengan jenis kuman yang terdapat pada pemegang tandas.

Dengan itu, disarankan kita menutup berus gigi dan tidak mendedehkannya. Tindakan paling tepat adalah dengan meletakkan berus gigi di luar bilik mandi atau tandas untuk memastikan kebersihan berus gigi yang digunakan serta kebersihan mulut kita.

Syarifah Sakinah Mansor,
Universiti Sains Islam Malaysia



Berus gigi terdedah kepada bakteria sekiranya diletakkan di dalam bilik air tanpa penutup.

[GAMBAR
HIASAN]